

**PM lancar rangka tindakan kajian semula pendidikan  
Utusan Online  
21 Ogos, 2012**

PAGOH 20 Ogos - Rangka tindakan hasil kajian semula Dialog Pendidikan Nasional yang melibatkan pelbagai cadangan penting bagi penambahbaikan sistem pendidikan negara akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 11 September ini.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, rangka tindakan tersebut kini sudah 75 peratus siap selepas Dialog Pendidikan Nasional selama tiga bulan selesai bulan lalu dengan beratus cadangan diserahkan kepada Kementerian Pelajaran.

Katanya, pihak kementerian sendiri menjalankan eksekusi menerusi pelbagai kajian dengan penemuan yang akan membawa anjakan besar melalui cadangan yang bakal dilaksanakan.

"Selepas tiga bulan pelancaran itu, kita akan membuat penambahbaikan dalam 'rumah terbuka'. Kita akan pameran cadangan dan sebahagian kandungan penting dalam kajian semula supaya pihak yang berminat boleh mengulas dan mengemukakan pandangan mereka.

"Ia juga akan diambil kira dalam kajian semula terakhir yang kemudian bakal dibawa ke Kabinet sebelum akhir tahun ini," katanya pada sidang akhbar selepas Rumah Terbuka Aidilfitri Ahli Parlimen Pagoh di Kompleks Seri Pekembar, di sini hari ini.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, pelaksanaannya melibatkan tempoh 13 tahun dengan tiga fasa iaitu gelombang pertama merangkumi perkara yang mudah dilaksanakan dan memberi impak tanpa memerlukan perubahan struktur dan kewangan sebelum diikuti gelombang kedua dan ketiga yang masing-masing memakan masa lima tahun.

Tambah beliau, segala usaha diharap dapat menganjukkan Malaysia sebagai antara negara terbaik dalam pendidikan menjelang 2025 dan ia melibatkan sokongan peruntukan yang lebih besar daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dengan tumpuan pada penambahan tenaga manusia terlatih dan peruntukan dalam bidang terpilih.

Katanya, antara yang menjadi perhatian ialah subjek Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, perubahan di Jabatan Pelajaran negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah, infrastruktur sokongan, peranan ibu bapa dan masyarakat dalam sistem pendidikan yang baik serta kajian semula keseluruhan struktur Kementerian Pelajaran.

"Pegawai pendidikan berkelulusan pada masa akan datang bakal diberi tugas lebih besar dan bidang kuasa lebih luas kerana mereka berhubung rapat dengan sekolah," katanya.

Muhyiddin juga tidak menolak kemungkinan pengenalan semula subjek seperti Sastera Inggeris, namun menyatakan keperluan dari segi jadual waktu sebelum melaksanakannya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20120821/dn\\_05/PM-lancar-rangka-tindakan-kajian-semula-pendidikan](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120821/dn_05/PM-lancar-rangka-tindakan-kajian-semula-pendidikan)